



# **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI MAJLIS 2018**

## **OLEH**

**YANG BERTHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L  
KARPAL SINGH  
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
MERANGKAP  
PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN, KERAJAAN  
TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

## **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**28 JULAI 2018 (SABTU)  
10.30 PAGI**

**AUDITORIUM  
MENARA MPSP  
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA  
BUKIT MERTA JAM**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

**Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Datin Hjh Che Limah Bt Hj Ujang**

Pengerusi PUSPANITA

**Encik Mohd Tahir Bin Othman**

Pengerusi ANULAE Cawangan Seberang Perai

**Encik Mohd Nasir Bin Hassan**

Naib Yang DiPertua PESUKA

**Encik Mohamad Nizam Bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI

**Puan Latifah Binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berhimpun pada pagi yang penuh barakah ini untuk meraikan Sambutan Hari Majlis 2018. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa kerana sudi hadir pada hari ini. Ucapan terima kasih juga kepada para barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli Parlimen, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, semua Ahli Majlis MPSP, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua-Ketua Jabatan dan kakitangan MPSP dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Sambutan Hari Majlis Tahun 2018.

## **Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian**

Sambutan Perayaan Hari Majlis ini adalah merupakan suatu acara tahunan dalam kalendar Majlis dan hari ini merupakan tahun yang ke-44, MPSP meraikan Hari Majlis. MPSP telah melalui pelbagai kenangan pahit, manis bermula daripada tahun 1974 sehingga kini di bawah pimpinan dan teraju dua puluh (20) orang Yang Dipertua. Pelbagai kejayaan telah dikecapi sepanjang lahirnya MPSP dan kini MPSP bukan hanya dikenali di Malaysia bahkan juga di peringkat antarabangsa.

Pelbagai anugerah yang telah kita sandang dari dalam dan luar negara di mana pada tahun ini (2018) sahaja iaitu pada 2 Februari 2018, kita telah menerima *Sijil Malaysia Book of Records* kerana menjadi Agensi Kerajaan yang pertama menerima tujuh (7) Pensijilan iaitu:-

- i. Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 (QMS),
- ii. Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2015 (EMS),
- iii. Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 (EnMS)
- iv. Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007 (OSHMS)
- v. Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti (5S)

- vi. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 (ISMS)
- vii. Sistem Pengurusan Anti-Suapan/Sogokan ISO 37001:2016 (ABMS).

MPSP juga telah menerima anugerah *Special Honour Award* bagi *Government Category: Green Initiatives Awards* bagi Projek *Butterworth Fringe Festival: A Creative Placemaking In Urban Public Spaces* di Majlis Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA), Gala Dinner oleh Institute Of Landscape Malaysia (ILAM) pada 21 April 2018. Tahniah diucapkan kepada Unit Butterworth Baharu dan semua jabatan sokongan atas kejayaan ini.

Dalam Majlis Konvensyen Mini Team Excellence (MTEEx) 2018 Wilayah Tengah oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 24 April 2018, MPSP telah dianugerahkan Silver Award atas kejayaan mewujudkan dan membangunkan Upcycle Park. Upcycle Park ini adalah taman awam yang pertama di Malaysia, menggunakan sepenuhnya barangan kitar semula. Tahniah diucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Landskap, Jabatan Kejuruteraan, jabatan sokongan serta Wira Orange MPSP atas kejayaan ini.

Selain itu, MPSP juga telah dianugerahkan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf 5 bintang berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan dianugerahkan Sijil Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2016 pada 17 Mei 2018 oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Yang terbaru iaitu pada 23 Julai 2018 pula, pasukan KIK MPSP 2018 telah berjaya menjadi JOHAN Konvensyen KIK 2018 peringkat Negeri Pulau Pinang yang telah berlangsung di Auditorium A, Komtar dengan tajuk "Spark Sistem Amaran Paras Air Kawalan Banjir". Pasukan KIK 2018 kali ini terdiri daripada wakil Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan & Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi. Saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas kerjasama semua pihak atas kejayaan-kejayaan yang saya nyatakan tadi.

MPSP juga sering dijemput untuk berkongsi pengalaman dan *best practices* di dalam dan luar negara. Di antara program-program yang telah dihadiri oleh pegawai-pegawai MPSP pada tahun 2018 adalah:-

1. Seminar '*Best Practices*' Majlis Bandaraya Alor Setar 2018 pada 26 Jun 2018 di Alor Setar di mana Yang Berusaha Pn. Ir Hj Rosnani Binti Hj Mahmud, Setiausaha Perbandaran telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Anugerah Persijilan ISO Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)"
  
2. *4th Asia-Pacific Regional Forum on Smart Sustainable Cities and E Government With ITU* yang dianjurkan oleh WeGO pada 3 hingga 8 Julai 2018 di Thanh Hao City, Vietnam di mana saya telah membentangkan kertas kerja bertajuk "*4th Asia Pacific Regional Forum On Smart Sustainable Cities and E-Government*".
  
3. *World Cities Summit & Mayors Forum Singapore 2018* anjuran Centre for Liveable Cities Singapore pada 7 hingga 11 Julai 2018 di mana Cik Noorhanis Binti Noordin, Pengarah Bangunan mewakili saya sebagai panelist di dalam World Cities Summit Mayors Forum dengan tajuk '*Liveable and sustainable cities : embracing the future through innovation and collaboration*'.

## **Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian**

MPSP akan terus berdiri teguh menyokong wawasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa dan pintar. Selain itu, MPSP juga menyokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri hijau pertama di Malaysia dengan memberi perhatian kepada aspek pembangunan mampan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi dari segi kebersihan, kehijauan, penjagaan kesihatan dan keselamatan - "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*".

MPSP mensasarkan untuk menjadi sebuah bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar menjelang 2022. Dengan menjadikan "*Seberang Perai is For All*" sebagai *guiding principal* MPSP memacu ke arah inklusif dengan visi "***Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi***". Ianya menggambarkan komitmen serta usaha yang akan digembleng oleh MPSP dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdaya huni dan juga mendokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadi negeri hijau yg pertama di Malaysia.



Bagi melengkapkan Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya pintar pula, MPSP sedang menerokai Industri 4.0, *Big Data Analytic* (BDA), *Cloud Computing* dan *Internet of Things* (IOT) untuk melakukan transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan lebih pantas, mudah dan terkini.

Saya amat yakin *Low Carbon City* dan *Smart City* boleh dicapai kerana ianya menguntungkan rakyat. *Low Carbon City* atau Bandaraya Rendah Karbon bukan sahaja memberi manfaat kepada alam sekitar malahan ianya boleh menjana ekonomi serta meningkatkan taraf hidup penduduk Seberang Perai. Dengan menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon, secara tidak langsung, penduduk Seberang Perai akan mendapat faedah secara langsung dengan penjimatan sebanyak RM23 bilion secara kolektif sehingga 2022. *Smart City* merupakan gandingan yg baik dan memberi synergy ke arah *Low Carbon City*.

Penekanan untuk mencapai bandaraya rendah karbon adalah dengan menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% dan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50% pada tahun 2022 dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022. Kadar sampah yang dihasil perkapita didapati berkurangan daripada 1.6kg/orang/hari pada tahun 2016 kepada 1.09kg/orang/hari pada tahun

2017 dan disasarkan terus berkurangan kepada 0.8kg/orang/hari pada tahun 2022.

Untuk mencapai hasrat ini MPSP memperkenalkan MPSP *Smart Consumption Model 8R*, *Smart Partnership 7Ps*, *Upcycle Carnival* bersama JCI, *Growth Market* bersama Auto City, *Car Free Morning* bersama MyShape dan Think City, *Eco Therapy* melalui *Forest Bathing* dan program *Care for the Elderly* bersama MNC dll.

Manakala tindakan terdekat pihak swasta adalah mewujudkan *Smart Building*, *Sponge Building*, *Green Building*, *Smart Home* khususnya pembangunan berskala besar. Saya telah pun mengatur perbincangan dgn Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) utk merealisasikan pembangunan tapak Penang Sentral yg berukuran 22.65 ekar bagi Fasa 1 hingga 8 dan pembangunan SP Setia di SPU. Keduanya telah menyatakan kesanggupan kerana bangunan bercirikan “*smart are more marketable*”.

MPSP juga memperkenalkan *Incentive Fast Track*, *Development Order C1* dikeluarkan sebaik sahaja kelulusan OSC bagi pembangunan yg menggunakan 15% *renewable energy*.

MPSP berhasrat untuk memperbanyakkan lagi kawasan-kawasan hijau yang berlatar belakangkan landskap yang menarik dan cantik di Seberang

Perai. Oleh itu, dalam bulan Kemerdekaan tahun ini, MPSP akan menganjurkan Program Menanam 3,000 Batang Pokok Golden Penda di sekolah-sekolah hijau.

## **Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian**

Sempena Hari Majlis 2018 ini, MPSP juga akan meraikan beberapa pencapaian dan penganugerahan. Antaranya:-

**1. Penyerahan MPSP's Report Card 2nd Quarter 2018 (April – June 2018): Seberang Perai Corporate Priorities 2018.**

Tujuan *report card* ini adalah untuk melaporkan pencapaian sukuan kedua 2018, Keutamaan Korporat Seberang Perai yang telah dirancang bersama dengan stakeholders. Sikap keterbukaan ini adalah untuk mendapat pengiktirafan rakyat di samping pengiktirafan dari agensi persijilan terkemuka di Malaysia dan di dunia.

**2. Pelancaran Buku "MPSP's Leaders Paving The Way For The Future**

MPSP telah menerbitkan buku Perjalanan Kejayaan MPSP bertajuk *Innovative Transformation dengan tagline MPSP's Leaders Paving The Way For The Future* bermula pada tahun

2008 bertujuan untuk menceritakan usaha-usaha, kesungguhan dan cabaran yang dilalui oleh seorang Yang Dipertua dalam menerajui MPSP dalam mencapai aspirasi semua *stakeholders* dan komuniti di Seberang Perai.

**3. Pengiktirafan Dalam *The Malaysia Book OF Records (MBR)* “*First Organisation To Develop Upcycle Park*”**

*Upcycle Park* ini merupakan yang pertama dibangunkan di Malaysia. Ianya mempunyai keunikan tersendiri dengan menyediakan ruang yang dilengkapi dengan barangan *upcycle* yang diperbuat daripada bahan-bahan terbuang dan terpakai seperti tayar kereta, tayar motosikal, kayu palet, botol plastik, basikal, kain terpakai dan lain-lain lagi.

**4. Penyampaian Sijil Penghargaan KPI 100% Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) Selesai Dalam Tempoh Piagam Kepada Ahli Jawatankuas OSC**

Bagi tempoh 1 Januari 2018 sehingga 28 Julai 2018 (hari ini), sebanyak 73 Permohonan Kebenarang Merancang atau 100% permohonan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh piagam. Pencapaian ini adalah kali pertama dalam sejarah OSC MPSP. Oleh itu, sempena Sambutan Hari Majlis Tahun 2018, pihak MPSP dengan berbesar hati untuk memberikan sijil penghargaan

kepada 18 Agensi dan Jabatan Teknikal Luaran serta Ahli-Ahli Majlis yang terlibat secara langsung sebagai Ahli Jawatankuasa OSC yang telah memberikan komitmen penuh dalam mengeluarkan ulasan-ulasan teknikal serta pandangan yang seterusnya mempercepatkan kelulusan Kebenaran Merancang serta pengeluaran Borang C1. Tahniah diucapkan!

## **5. Anugerah Pekerja Contoh MPSP**

Anugerah pekerja contoh yang diberikan kepada kakitangan MPSP dinilai dari 1 Januari 2018 sehingga 30 Jun 2018 berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan. Kriteria-kriterianya adalah:

- i. Status Perkhidmatan - Terdiri daripada semua kakitangan tetap dan kontrak.
- ii. Tempoh Perkhidmatan – Tidak kurang dari setahun pada hari terakhir pemilihan.
- iii. Kehadiran - Tiada kelewatan dalam tempoh enam (6) bulan (Januari hingga Jun 2018)
- iv. Penghasilan Kerja - Prestasi kerja yang cemerlang dari segi kualiti, ketepatan masa dan keberkesanan kerja.
- v. Kualiti Peribadi - Berdisiplin, kepimpinan, kerja lebih masa, kerja berpasukan, bertanggungjawab, kurang penyeliaan.
- vi. Cuti sakit - Tidak melebihi enam (6) hari

Insentif kepada penerima Anugerah Pekerja Contoh 2018:

- i. Sijil Penghargaan Pekerja Contoh
- ii. Wang tunai sebanyak RM 100.00

Tahun ini seramai 52 orang kakitangan telah dipilih untuk diberi penganugerahan Pekerja Contoh. Semoga kesemua penerima anugerah ini akan meneruskan kesungguhan mereka dalam tugas seharian dan menjadi contoh kepada yang lain.

#### **6. Anugerah Kaizen / 5S / Inovasi MPSP**

**KAIZEN** merupakan istilah dari Jepun yang bermaksud penambahbaikan berterusan. Ia juga berdasarkan pandangan *'hari esok perlu lebih baik dari hari ini dan hari ini perlu lebih baik dari semalam'*. Penambahbaikan yang dibuat walaupun dalam bentuk yang kecil, tetapi mempunyai impak dalam pelaksanaan tugas / kerja jabatan dan kepada MPSP khususnya. Pada tahun ini MPSP sukacita memberikan Anugerah KAIZEN berupa hamper bernilai RM100.00 kepada kakitangan yang terpilih, di mana mereka ini telah menyumbangkan idea kreatif untuk manfaat MPSP. Sebanyak 16 cadangan yang diterima. Setelah diperhalusi dari segi idea penambahbaikan atau inovasi yang diberi, sebanyak lima (5) cadangan telah diterima untuk

pengiktirafan bagi Anugerah KAIZEN tahun ini. Diharapkan dengan penganjuran program seperti ini mampu membakar semangat kakitangan MPSP untuk meningkatkan mutu prestasi kerja mereka.

### **Anugerah 5S Majlis Perbandaran Seberang Perai**

5S merupakan amalan persekitaran berkualiti yang dilaksanakan sebagai asas dan pemangkin kepada lain-lain program kualiti MPSP, di mana penekanan diberi kepada sistem dan persekitaran kerja yang teratur serta kemas. Pelaksanaannya membantu dalam mengukuhkan budaya kualiti MPSP dan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses kerja jabatan. Bagi Pertandingan Zon 5S Terbaik, sebanyak 22 Zon telah diaudit termasuk Pejabat Cawangan Jalan Betik, PUSKEB dan Jabatan Landskap di Bangunan Mahkamah Munisipal Butterworth. Hasil pemeriksaan yang telah dibuat oleh Auditor Dalaman 5S MPSP, sebanyak tiga (3) zon telah mendapat markah tertinggi dan telah menambahbaik pelaksanaan 5S di zon masing-masing. Tiga (3) zon terbaik akan diberikan hadiah penghargaan.

Tempat Pertama : Hadiah Wang Tunai Bernilai RM500.00

Tempat Kedua : Hadiah Wang Tunai Bernilai RM300.00

Tempat Ketiga : Hadiah Wang Tunai Bernilai RM200.00

**Anugerah Inovasi Majlis Perbandaran Seberang Perai (AIMPSP)** pertama kali telah dianjurkan pada tahun 2016 dan tahun 2018 adalah tahun ketiga penganjuran oleh MPSP. AIMPSP adalah anugerah yang diwujudkan bertujuan untuk:

- i. Menggalakkan dan meningkatkan kesedaran tentang inovasi di peringkat MPSP.
- ii. Menggalakkan persaingan sihat antara jabatan dalaman MPSP ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.
- iii. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kakitangan / kumpulan sokongan jabatan dalaman MPSP yang terlibat dalam menghasilkan inovasi-inovasi secara kreatif dengan hasil yang berinovatif.
- iv. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam kerja yang diamalkan di kalangan kakitangan MPSP.
- v. Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang telah dilaksanakan dan terbukti mendatangkan manfaat agar dapat dicontohi serta diamalkan.
- vi. Menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.



Penganjuran AIMPSP Tahun 2017 telah melibatkan penyertaan sebanyak tujuh (7) inovasi daripada jabatan dalaman MPSP iaitu:

- i. Inovasi Sistem Perjanjian
- ii. Inovasi Sistem Pendakwaan
- iii. Inovasi E-Deposit
- iv. Inovasi Sistem Pengurusan Barang Sitaan (e-Sita)
- v. Inovasi Sistem Surat
- vi. Inovasi MyMPSP
- vii. Inovasi E-COB 2.0

Sesi Penilaian AIMPSP 2017 telah berlangsung pada 4 Julai 2018, penghargaan kepada pemegang adalah seperti berikut:

- Tempat Pertama : Hadiah Wang Tunai Bernilai RM1,500.00
- Tempat Kedua : Hadiah Wang Tunai Bernilai RM1,000.00
- Tempat Ketiga : Hadiah Wang Tunai Bernilai RM500.00

## **7. Penyampaian Hadiah Pengumpulan Barang Kitar Semula**

MPSP telah mewujudkan Program Jualan Bahan Kitar Semula yang diadakan setiap bulan di mana Bahan Kitar Semula yang dikumpulkan oleh setiap jabatan dalaman MPSP dikumpul dan dijual pada hari tersebut. Berat barangan kitar semula tersebut akan ditimbang mengikut jabatan. Justeru, pada hari ini, hadiah

akan diberikan kepada tiga jabatan dengan jumlah beratan bahan kitar semula tertinggi:-

Johan	-	RM500.00 (4,897kg)
Naib Johan	-	RM300.00 (3,888 kg)
Pemenang Ketiga	-	RM200.00 (3,312 kg)

Jumlah beratan barangan kitar semula yang dikumpul dari tahun 2015 sehingga Jun 2018 adalah sebanyak 27,992 kg. Kiraan bagi setiap tahun adalah :-

Tahun 2015	-	7,711 kg
Tahun 2016	-	7,885 kg
Tahun 2017	-	8,704 kg
Tahun 2018 (sehingga Jun 2018)	-	3,692 kg

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian**

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh atas kehadiran beliau yang sentiasa menyokong usaha-usaha MPSP ke arah kebaikan bersama. Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Majlis MPSP, semua jabatan MPSP yang terlibat, para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai yang memberikan komitmen penuh dalam menjayakan

program-program MPSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “*Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow*” dapat direalisasikan.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**